

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(B)5**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS  
YB JOSHUA WOO SZE ZENG**

5. Apakah status terkini Galeri Arkeologi Guar Kepah dan jabatan apa yang akan dipertanggungjawabkan untuk menguruskan galeri tersebut?

**YB WONG HON WAI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

5. Projek pembinaan bangunan Pusat Arkeologi Guar Kepah dua (2) Tingkat yang terletak di Mukim 2, Kepala Batas, Seberang Perai Utara telah disiapkan dengan kerjasama Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) pada 20 Mei 2024 dan telah mendapatkan Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) pada 9 September 2024. Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) sedang melaksanakan perolehan bagi kelengkapan makmal dan pejabat arkeologi serta pembangunan sistem e-tiket bersama pihak Digital Penang. Selain itu, pendekatan secara Kerjasama Awam-Swasta (PPP) juga sedang dilaksanakan bagi tujuan penyewaan dan pengurusan kafe dan kiosk cenderamata

sebagai salah satu usaha untuk mendapatkan hasil bagi menampung penyelenggaraan bangunan.

Kerajaan Negeri dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Warisan Negara (JWN), Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) dan Kementerian Luar Negeri (KLN) sedang dalam usaha membawa pulang serpihan rangka-rangka Guar Kepah yang kini berada di *Collection Centre Netherlands* (CCNL), Belanda pada tahun 2025.

Galeri Arkeologi Guar Kepah akan diuruskan dan dioperasikan oleh CMI selaku pemilik tapak dan bangunan. Pihak CMI turut akan bekerjasama dengan Pusat Penyelidikan Arkeologi Global, Universiti Sains Malaysia bagi menguruskan makmal arkeologi terutamanya untuk aktiviti penyelidikan serta pemeliharaan artifak dan rangka Guar Kepah.